



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 7 MEI 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MAQIS SUMBANG RAMPASAN DAGING SEJUK BEKU KEPADA ZOO NEGARA, SH -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	MARITIM TAHAN BOT NELAYAN VIETNAM, NEGERI PERAK/TERENGGANU, SH -27	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	CUBAAN SELUDUP 10 LEMBU TUMPAS, NEGERI KELANTAN, SH -30	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4.	LAPAN PEMBORONG JUAL AYAM HARGA MAHAL DIKOMPALUN, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
5.	PPK KUALA LANGAT TAWAR HARGA RENDAH, DALAM NEGERI, UM -31	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
6. 7.	PESAWAH TERJEJAS TERUK AKIBAT RIBUT, SH -ONLINE PESAWAH RUGI PADI ROSAK AKIBAT RIBUT, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL/KEDAH, SH -26	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Maqis sumbang rampasan daging sejuk beku kepada Zoo Negara



Ahmad (dua dari kiri) melihat bekalan daging untuk diserahkan kepada Zoo Negara di Wisma Tani, Putrajaya pada Khamis.

SHAH ALAM - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menyumbangkan daging ayam dan kerbau sejuk beku hasil rampasan yang dilucuthakkan kepada Zoo Negara.

Sumbangan itu sebagai satu usaha jabatan berkenaan bagi membantu memastikan bekalan makanan haiwan mencukupi bagi keperluan zoo tersebut.

Maqis dalam satu kenyataan memaklumkan, daging tersebut membabitkan kes rampasan dari Januari hingga Mac 2021 dengan nilai keseluruhan sebanyak RM78,000.

Menurut kenyataan itu, sebanyak 740 karton atau sembilan tan ayam sejuk beku dengan anggaran RM72,000, manakala 520 kilogram (kg) daging kerbau sejuk beku bernilai RM6,000 telah dibawa masuk dari India.

"Semua ayam sejuk beku ini dirampas ketika cuba dibawa masuk dari negara jiran ke Malaysia melalui pintu masuk Bukit Kayu Hitam, Kedah.

"Daging kerbau sejuk beku pula dibawa masuk dari India melalui pintu masuk Pelabuhan Pangkalan Kontena Butterworth Utara (NBCT) Pulau Pinang," katanya pada Khamis.

Penyerahan tersebut disempurnakan oleh Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah di Wisma Tani, Putrajaya.

Sehubungan itu, Maqis memberikan jaminan untuk memastikan segala isu-isu melibatkan aspek halal, keselamatan makanan, kawalan penyakit dan risiko kemasukan haiwan perosak yang boleh mengancam industri pertanian serta penternakan negara dapat dikawal.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ TERENGGANU	27

## Maritim tahan bot nelayan Vietnam

**Bot nelayan Vietnam yang ditahan selepas dikesan menceroboh perairan negara untuk merompak hasil laut pada Rabu.**



**KEMAMAN-** Cubaan empat nelayan Vietnam termasuk tekong melarikan diri dengan bertindak merentangkan tali pukat tidak berhasil apabila ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Kemaman, pagi Rabu.

Kehadiran bot dengan nombor pendaftaran KG 2040 TS yang menceroboh perairan negara untuk merompak hasil laut di sekitar perairan Terengganu dikesan melalui penglihatan dan radar semasa rondaan Op Naga Barat dan Op Iman sekitar jam 11.15 pagi.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, semasa usaha untuk merapat, bot nelayan tersebut bertindak merentangkan tali pukat dan cuba melarikan diri menuju ke arah sempadan perairan antarabangsa, namun telah berjaya dipintas sebelum ditahan di kedudukan 58 batu nautika timur laut

Kuala Kemaman, jam 12.15 tengah hari. "Pemeriksaan ke atas bot tersebut mendapati empat kru termasuk tekong warganegara Vietnam berusia 23 hingga 42 tahun, yang kesemuanya tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah, serta bot tidak mempunyai dokumen yang sah.

"Turut dirampas bekalan diesel beranggaran 1,000 liter dan peralatan menangkap ikan yang kesemuanya dianggarkan bernilai RM1.5 juta.

"Bot, tahanan dan rampasan dibawa masuk ke Jeti Zon Maritim Kemaman dan semua tahanan akan menjalani saringan Covid-19 sebelum diserahkan kepada pegawai penyiasat Maritim Malaysia untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Jelasnya, kes disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana menjalankan aktiviti perikanan dalam perairan negara dan operasi akan terus dipertingkatkan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	30

## Cubaan seludup 10 lembu tumpas

Cubaan dua lelaki menyeludup sepuluh ekor lembu gagal apabila ditumpaskan oleh PGA Batalion 7 dalam serbuan di Kg Repek, Rantau Panjang pada Rabu.



**RANTAU PANJANG** - Cubaan dua lelaki menyeludup sepuluh ekor lembu bernilai RM98,000 gagal apabila tindakan itu berjaya ditumpaskan oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 7 Kuantan dalam serbuan di Kampung Repek, di sini pada Rabu.

Pegawai Pemerintah PGA Batalion 7, Superintendan Azhari Nusi berkata, kedua-dua suspek berusia 25 tahun itu dicekup pada jam 5 petang selepas menahan sebuah lori di hadapan sebuah kedai tayar.

"Semasa ditahan pemandu lori tersebut telah mengemukakan dokumen yang meragukan," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Menurutnya, pemeriksaan awal membawa kepada pene-

muan beberapa ekor lembu di belakang lori berkenaan.

Beliau berkata, kesemua barangan rampasan termasuk pemandu dibawa ke Kompeni Tektikal (Komtak) Jeram Perdah untuk pemeriksaan lanjut.

Azhari berkata, siasatan awal mendapati kesemua lembu itu dalam perjalanan ke Kedah.

Dia berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

"Nilai keseluruhan rampasan termasuk kenderaan dianggarkan berjumlah RM178,000," katanya.

Dalam pada itu, Azhari berkata, PGA akan terus melipat gandakan operasi dalam membendung aktiviti penyeludupan dan jenayah rentas sempadan.

# Lapan pemborong jual ayam harga mahal dikompaun



**KERAJAAN** menetapkan harga siling ayam standard RM7.90 sekilogram untuk peruncit sempena SHMMP Hari Raya Aidilfitri. - GAMBAR HIASAN

**KEMAMAN** - Seramai lapan pemborong ayam di seluruh negara yang masih berdegil menjual ayam pada harga melebihi siling akhirnya menerima padah apabila dikompaun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, kesemua pemborong terbabit didapati telah menjual bekalan ayam pada harga lebih tinggi daripada dibenarkan iaitu RM7.40 sekilogram.

"Skim Harga Maksimum Perayaan (SHMMP) Hari Raya

Aidilfitri bermula 20 April lalu telah menetapkan harga ayam di ladang hendaklah tidak lebih RM5.80, pemborong (RM7.40) manakala peruncit pula RM7.90.

"Selain lapan pemborong itu, 18 peruncit juga dikompaun atas kesalahan sama iaitu menjual ayam melebihi harga maksimum," katanya selepas memantau harga barangan kawalan SHMMP Hari Raya Aidilfitri di sebuah pasar raya di Kijal di sini semalam.

Dalam perkembangan sama, Rosol menyangkal dakwaan sege-lintir pemborong dan penter-nak ayam kononnya harga siling ayam yang ditetapkan sepanjang

SHMMP Hari Raya Aidilfitri ini merugikan mereka.

Tegas beliau, dakwaan harga maksimum ayam itu tidak menguntungkan dan tidak mampu menampung kos operasi ter-nakan yang tinggi adalah tidak be-nar.

"KPDNHEP telah melakukan kajian secara terperinci di peringkat ladang, pemborong dan peruncit sebelum menentukan harga siling (ayam) itu.

"Pandangan Lembaga Pe-masaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Jabatan Perkhidmatan Veterinar, peladang dan pemborong juga telah diambil kira," ka-tanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

## PPK Kuala Langat tawar harga rendah

**KUALA LANGAT:** Dalam membantu orang ramai mendapatkan barangan keperluan harian dengan kadar mampu milik, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat menjual sayur-sayuran pada harga 20 hingga 30 peratus lebih murah berbanding pasaran luar.

Pengerusinya, Abdul Razak Khasbullah berkata, sebagai hab pemasaran hasil ladang, harga yang ditawarkan sudah pasti tidak sama seperti di pasar raya mahupun pasar basah.

"Menjelang Aidilfitri, produk seperti sayur-sayuran dan ayam yang dipasarkan tetap dijual dengan harga lebih rendah berbanding harga runcit di pasaran.

"Sebagai contoh, seekor ayam yang kami pasarkan masih di bawah RM20 iaitu RM17 berbanding di pasaran iaitu kira-kira RM20 seekor.

"Kita tidak boleh menjual dengan harga tinggi kerana sasaran adalah membantu kerajaan mengurangkan kos hidup rakyat," katanya kepada *Utusan Malaysia* di Pusat Pengumpulan Hasil Ladang (PPHL) Teluk Panglima Garang di sini semalam.

Abdul Razak berkata, trend kenaikan harga sayur-sayuran, daging dan ayam akan tetap berlaku setiap kali musim perayaan setelah sekian lama.

Menurutnya, sebagai pemborong pihaknya tidak boleh mengikut rentak pasaran hingga boleh menjejaskan kuasa beli pengguna di daerah ini.

"Bagi daging pula harga yang tinggi disebabkan permintaan meningkat akibat faktor tertentu menyebabkan kita terpaksa menjual mengikut harga pasaran semasa.

"Untuk bekalan sempena Aidilfitri, PPK Kuala Langat akan mengandakkan bekalan barang makanan seperti daging, ayam dan sayur-sayuran," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## Pesawah terjejas teruk akibat ribut



Noh (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pesawah di Gelanggang Futsal Kampung Seri Tiram Jaya di sini pada Khamis.

TANJONG KARANG - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan diminta menghulurkan bantuan kepada pesawah di sekitar Tanjong Karang yang terjejas teruk selepas padi mereka rosak akibat dilanda ribut pada musim tanaman kali ini.

Ahli Parlimen Tanjong Karang, Tan Sri Noh Omar berkata, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjong Karang telah menghantar laporan pesawah terjejas kepada Kawasan Pembangunan Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor.

Bagaimanapun menurutnya, sehingga kini, pesawah terjejas masih belum mendapat sebarang bantuan dan pembelaan sewajarnya daripada pihak kementerian.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan kena siasat laporan ini kerana sampai sekarang tiada maklum balas berhubung bantuan kepada pesawah terjejas," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Pesawah di Gelanggang Futsal Kampung Seri Tiram Jaya di sini pada Khamis.

Noh berkata, pihak kementerian juga sepatutnya boleh membantu pesawah terjejas melalui tabung bantuan bencana dengan peruntukan sebanyak RM60 juta yang telah diwujudkan semasa beliau menerajui kementerian berkenaan.

"Dana daripada tabung ini perlu disalurkan segera kerana tujuan tabung ini diwujudkan untuk memberi bantuan kepada pesawah yang padi mereka terjejas akibat bencana seperti banjir, ribut dan serangan penyakit.

"Saya hairan, sepatutnya perkara ini telah diselesaikan, tetapi sehingga kini tiada bantuan dihulurkan kepada pesawah terjejas," katanya.

Justeru, katanya, beliau sendiri bersimpati dengan nasib pesawah dan menghulurkan sumbangan sebagai tanda simpati terutama dengan ketibaan Aidilfitri tidak lama lagi.

"Saya difahamkan hasil pengeluaran padi mereka jika sebelum ini tujuh atau lapan metrik tan 0.4 hektar turun kepada hanya satu atau dua tan metrik sahaja.

"Malah ada dalam kalangan mereka yang menyewa hendak bayar sewa tanah sawah pun tidak berkemampuan kerana mengalami kerugian," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
7/5/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PAHANG/ SELANGOR/ KL/KEDAH	26

# Pesawah rugi padi rosak akibat ribut



Noh (dua dari kanan) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang pesawah di Gelanggang Futsal Kampung Seri Tiram Jaya, Tanjong Karang, Selangor pada Khamis.

MAFI diminta bantu pesawah terjejas melalui tabung bantuan bencana

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

**TANJONG KARANG**

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) diminta menghulurkan bantuan kepada pesawah di sekitar Tanjong Karang yang terjejas teruk selepas padi mereka rosak akibat dilanda ribut pada musim tanaman kali ini.

Ahli Parlimen Tanjong Karang, Tan Sri Noh Omar berkata, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjong Karang telah menghantar laporan kepada Kawasan Pembangunan Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor.

Bagaimanapun menurutnya, sehingga kini, pesawah terjejas masih belum mendapat sebarang bantuan dan pembealaan sewajarnya daripada pihak kementerian.

“Kementerian Pertanian dan Industri

Makanan kena siasat laporan ini kerana sampai sekarang tiada maklum balas berhubung bantuan kepada pesawah terjejas,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Penyampaian Sumbangan Pesawah di Gelanggang Futsal Kampung Seri Tiram Jaya di sini pada Khamis.

Noh berkata, pihak kementerian juga sepatutnya boleh membantu pesawah terjejas melalui tabung bantuan bencana dengan peruntukan sebanyak RM60 juta yang telah diwujudkan semasa beliau menerajui kementerian berkenaan.

“Dana daripada tabung ini perlu disalurkan segera kerana tujuan tabung ini diwujudkan untuk memberi bantuan kepada pesawah yang padi mereka terjejas akibat bencana seperti banjir, ribut dan serangan penyakit.

“Saya difahamkan hasil pengeluaran padi mereka sekiranya sebelum ini tujuh atau lapan metrik tan 0.4 hektar turun kepada hanya satu atau dua tan metrik sahaja.

“Malah ada dalam kalangan mereka yang menyewa hendak bayar sewa tanah sawah pun tidak berkemampuan kerana mengalami kerugian,” kata Noh lagi.